

## Projek landasan kembar RM12.5b siap ikut jadual

**T**AIPING: Kementerian Pengangkutan memberi jaminan projek Landasan Berkembar Elektrik (PLBE) Ipoh-Padang Besar bernilai RM12.5 bilion akan siap mengikut jadual walaupun berdepan dengan pelbagai masalah termasuk krisis ekonomi global.


Menterinya, Datuk Seri Ong Tee Keat, berkata kerja pembinaan PLBE yang dijalankan MMC-Gamuda JV berjalan lancar mengikut jadual di Perak, Kedah, Pulau Pinang serta Perlis dan dijangka siap penghujung 2012.

"Kerja pembinaan projek itu kini pada kadar 21.33 peratus. Kita mengharapkan

projek itu berjalan lancar walaupun menghadapi beberapa masalah.

"Kita sudah mengenal pasti semua halangan termasuk soal penempatan semula setinggan dan pampasan serta diharapkan perkara itu dapat diselesaikan secepat mungkin bagi mengelak gangguan pelaksanaan projek," katanya selepas merasmikan penembusan Terowong Larut sepanjang 300 meter (m), ketinggian 10 meter dan lebar 13 meter di Air Kuning di sini, semalam.

Beliau berkata, PLBE apabila siap nanti adalah alternatif pengangkutan lebih murah dan selamat ber-



**TEE KEAT** (kanan) diberi penerangan oleh Pengarah Urusan Gamuda, Datuk Lin Yun Ling (dua dari kanan) mengenai projek penembusan terowong Larut bagi projek landasan berkembar dari Ipoh ke Padang Besar di Kampung Ulu Larut, semalam.

banding penggunaan kenderaan lain di lebuhraya selain dapat mengurangkan risiko kemalangan maut.

"Pembinaan PLBE Ipoh-Padang Besar akan meningkatkan sistem pengangkutan rel negara dengan menjadikannya lebih ekonomik dan

berdaya saing. Pada masa sama, ia menambah kapasiti landasan kepada 10 kali ganda daripada yang sedia ada," katanya.